

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1992/93**

**April 1993**

**EUP 403 - Perakaunan Pengurusan**

**Masa : [2 jam]**

---

**Arahan:**

**Bahagian A: Soalan 1  
Soalan 2**

**Bahagian B: Soalan 3  
Soalan 4  
Soalan 5**

**Jawab semua soalan dalam bahagian A dan jawab dua soalan dalam bahagian B.**

**BAHAGIAN A**

1. Syarikat Samasuka mengeluarkan dua jenis keluaran untuk industri motor. Berikut adalah maklumat untuk penyediaan belanjawan Jualan untuk bulan Jan 1994.

Barangan	Kuantiti (unit)	Harga/unit
Super	1,000	RM100
Deluxe	2,000	RM 80

Bahan langsung yang digunakan dalam pengeluaran barangan tersebut adalah;

Bahan	Abso	Nino	Mono
Harga sekg.	RM5.00	RM4.00	RM2.00
Kadar penggunaan;			
Super	6 kg.	5 kg.	4 kg.
Deluxe	5	3	2

Buruh langsung yang diperlukan dalam pengeluaran barangan syarikat adalah;

	Bahagian	
	Pemasangan	Penyiapan
Super	4 jam	2 jam
Deluxe	3	1.5
Kadar upah sejam	RM1.50	RM2.50

Stok pada awal bulan Januari dianggarkan;

Barangsiap	Kuantiti
Super	500
Deluxe	1,000
Bahan langsung	
Abso	1,000
Nino	2,000
Mono	3,000

Syarikat merancang untuk menambah stok barangsiap pada akhir bulan Januari sebanyak 20% dan mengurangkan stok bahan mentah sebanyak 10% atas baki pada awal bulan.

Dikehendaki;

Sediakan untuk bulan Januari;

- i. Belanjawan jualan (dalam unit dan ringgit).
- ii. Belanjawan pengeluaran.
- iii. Belanjawan penggunaan bahan.
- iv. Belanjawan belian bahan.
- v. Belanjawan upah langsung.

2. Matang Bhd. menjual sejenis alas meja yang diperbuat dari getah dengan harga RM 20.00 seunit. Syarikat membayar RM12.00 tiap-tiap seunit barangan itu kepada pembekal ditambah komisen sebanyak 10 peratus atas harga jualan sebagai komisen kepada jurujual. Belanja tetap berjumlah RM120,000.00 sebulan.

Dikehendaki;

Andaikan tiap-tiap perkara dibawah tidak berkaitan antara satu dengan yang lain.

- i. Kirakan titik pulang modal dalam unit dan RM. (20%)
- ii. Sekiranya syarikat mahukan untung sebanyak RM30,000.00 sebulan, kirakan volum jualan yang mesti diperolehi. (15%)
- iii. Sekiranya syarikat percaya ia mampu menjual 24,000 unit sebulan. Apakah harga jualan minimum yang sesuai untuk memberikan sebanyak RM30,000.00 sebulan. (15%)
- iv. Syarikat sedang menimbang bentuk komisen yang dibayar kepada jurujual. Ada cadangan untuk menurunkan komisen menjadi 5% atas harga jualan dan meningkatkan kos tetap kepada RM150,000.00 sebulan. Apakah tingkat jualan yang mesti dicapai supaya syarikat memperolehi untung sebanyak RM30,000.00 sebulan. (30%)
- v. Jelaskan secara ringkas perbezaan antara Perakaunan Kewangan dengan Perakaunan Pengurusan. (20%)

3. Syarikat TM Bhd. sedang menimbang cadangan untuk menggantikan sebuah mesin lama dengan sebuah mesin baru yang berharga RM65,000.00. Mesin lama masih boleh diguna selama 8 tahun lagi, dan nilai pasarannya pada masa ini ialah RM20,000.00. Walau bagaimanapun nilai pasarannya selepas 8 tahun nanti dianggarkan bersamaan 0. Jika dibeli, mesin baru boleh digunakan selama 8 tahun dan tidak mempunyai apa-apa nilai baki pada masa itu.

Tidak ada apa-apa kos yang terlibat untuk memindahkan mesin lama jika syarikat membeli mesin baru.

Kos operasi tahunan bagi mesin lama dan mesin baru adalah seperti berikut:

	Mesin Lama	Mesin Baru
Kos-kos berubah	7,500	20,000
Kos tetap	9,500	5,500

Dikehendaki;

- a. Sediakan penyata yang menunjukkan aliran tunai bersih bagi pilihan membeli mesin baru. (50%)
- b. Kirakan nilai kini bersih aliran tunai dalam a) dengan kadar diskaun 10%. (20%)
- c. Jelaskan secara ringkas konsep-konsep berikut dalam belanjawan modal. (30%)
  - i. Tempoh bayar balik
  - ii. Nilai bakian mesin
  - iii. Susutnilai.

4. Berikut adalah maklumat berhubung dengan pengeluaran kotak-kotak logam yang dikeluarkan oleh CMB Sdn. Bhd. dalam bulan April 1993. Syarikat telah merancang untuk mengeluarkan 2000 unit. Keluaran sebenar yang dihasilkan ialah 1,800 unit.

**Bahan:**

Kadar standard : 50 kg setiap 100 unit keluaran.  
 Harga standard : RM10.00 sekg.  
 Penggunaan sebenar : 1,000 kg pada harga RM10.50 sekg.

**Buruh:**

Jam standard : 3 jam seunit kotak.  
 Kadar upah standard : RM2.50 sejam.  
 Penggunaan buruh sebenar: 5,490 jam pada kadar RM2.60 sejam.

**Anda dikehendaki:**

**Kirakan varian-varian berikut:**

- |    |  |       |
|----|--|-------|
| a. | Varian kos bahan<br>Varian penggunaan bahan<br>Varian kadar bahan  | (40%) |
| b. | Varian buruh langsung<br>Varian kadar buruh langsung<br>Varian kecekapan buruh langsung                    | (40%) |
| c. | Jelaskan perbezaan antara menggunakan belanjawan tetap dengan belanjawan berubah sebagai kawalan prestasi. | (20%) |

5. Syarikat SS Bhd. telah mencipta satu keluaran baru yang dinamakan Sawara. Sawara akan dipasarkan melalui rangkaian agen-agen syarikat yang sedia ada. Walau bagaimanapun syarikat perlu menggaji seorang pengurus tambahan dengan gaji tahunan sebanyak RM22,000.00. Belanja promosi dan pengiklanan tahunan dianggar bertambah sebanyak RM20,000.00.

Kajian pemasaran menunjukkan harga jualan RM0.85 sekg. adalah paling sesuai. Pada harga tersebut syarikat dijangka dapat menjual 400,000 kg. dalam tahun pertama. Syarikat juga menjangka akan dapat sekurang-kurangnya mengekalkan tingkat jualan tersebut di tahun-tahun berikutnya.

Pengeluaran Sawara memerlukan tambahan loji dan kelengkapan bernilai RM40,000.00 (hayat guna 10 tahun). Belanja cukai dan insuran akan meningkat sebanyak RM1,000.00 manakala tambahan kakitangan perkilangan menyebabkan upah tahunan meningkat sebanyak RM27,000.00. Gaji Bahagian Kewangan juga bertambah sebanyak RM6,000.00 setahun. Kos prima seunit dianggarkan RM0.37. Kadar overhead bagi loji adalah RM0.35 sekg termasuk RM0.10 berubah dan RM0.01 sekg. susutnilai loji tambahan.

Dikehendaki:

- a. Sediakan satu senarai data-data kuantitatif yang relevan bersama-sama dengan nilai RM dalam membuat keputusan berhubung dengan keluaran baru. (50%)
- b. Kirakan nilai-nilai berikut akibat dari pengeluaran keluaran baru.
  - i. Tambahan dalam hasil jualan.
  - ii. Tambahan dalam kos-kos berubah.
  - iii. Tambahan dalam caruman.
  - iv. Tambahan dalam kos tetap. (30%)
- c. Sebutkan ciri-ciri kos relevan. (10%)
- d. Terangkan mengapa pengkosan relevan penting kepada pengurusan. (10%)